

**SOALAN NO. 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG**  
**[LANANG]**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha Kerajaan dalam membendung aktiviti mengemis dan orang papa yang masih berleluasa di negara kita terutama di Sibu dan bilangan pengemis dan orang papa yang telah dibantu oleh Kerajaan dan di mana mereka ditempatkan di Sibu.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menguatkuasakan Akta Orang Papa 1977 yang bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi menjaga dan memulihkan orang papa dan bagi mengawal kutu rayau.

Bagi menyelamatkan orang papa dan membendung aktiviti pengemisan dari berleluasa, Kementerian mengambil pendekatan membendung isu pengemisan secara holistik dengan penglibatan dan kerjasama pelbagai agensi (*multi-sectoral*). Antara **usaha** berterusan yang diambil adalah:

- 1) Mengadakan operasi menyelamat melalui 3 cara iaitu operasi bersepadu, operasi berkala/ berjadual dan operasi *adhoc*. Operasi menyelamat ini dijalankan di setiap daerah dan negeri dan diketuai

oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, Penyelaras Penguatkuasa Negeri atau Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri. Pada setiap minggu dan bulan mengikut keperluan kes dan aduan; dan

- 2) Menjalankan Kempen Kesedaran dan Pencegahan Pengemisan. Antara usaha membendung aktiviti anti pengemisan yang dijalankan ialah dengan mengadakan sesi advokasi kepada orang awam menerusi [kempen@walkabout](mailto:kempen@walkabout), kempen kesedaran sempena Karnival Kebajikan 1Malaysia, mengedarkan risalah, kempen kesedaran melalui media elektronik (temubual di radio dan televisyen) serta kempen melalui khutbah jumaat.

Bagi Negeri Sarawak sehingga bulan Jun 2016, sebanyak **4** operasi telah dijalankan dengan jumlah pengemis yang diselamatkan adalah sebanyak **8** orang.

Bagi membendung aktiviti mengemis dan orang papa di Sibu, Operasi menyelamat dijalankan pada setiap tahun.

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Operasi</b>	<b>Kes yang diselamatkan</b>
Tahun 2014	1 kali Operasi	Tiada kes diselamatkan
Tahun 2015	1 kali Operasi	Tiada kes diselamatkan
Tahun 2016	1 kali Operasi  (5/9/2016)	<b><u>Bil kes diselamatkan :</u></b>  15 kes (gelandangan)  <b><u>Tindakan yang diambil :</u></b>  3 orang ditempatkan di Desa Bina Diri Kuching di bawah perintah Mahkamah untuk tempoh 3 tahun di bawah Akta Orang Papa 1977 kerana tidak mempunyai keluarga dan tiada pekerjaan; dan

		<p><b>12</b> orang ditempatkan sementara di Pusat Pemulihan Pengemis Sibu dan dikembalikan kepada keluarga.</p>
--	--	---

Secara umumnya, kes yang diselamatkan dan berstatus warganegara serta berumur di bawah 60 tahun akan ditempatkan di Desa Bina Diri (DBD) manakala kes yang berumur 60 tahun dan ke atas pula diberikan penjagaan dan perlindungan di Rumah Seri Kenangan (RSK). Pengemis yang diselamatkan di Negeri Sarawak akan ditempatkan di DBD Kuching, RSK Kuching, RSK Sibu dan Pusat Pemulihan Pengemis.

Di DBD penghuni akan menjalani pemulihan, latihan kerjaya dan kemahiran (vokasional, pertanian dan kraf tangan) bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun, diberikan rawatan perubatan, penjagaan kesihatan dan penglibatan dalam aktiviti rekreatif. Mereka turut diberikan

kaunseling, bimbingan dan kerohanian bagi membantu memulihkan psikologi mereka agar tidak mengulangi aktiviti pengemisan.

Dari Januari hingga Jun 2016, sebanyak **1,612** operasi menyelamat telah dijalankan di seluruh negara dan seramai **1,275** orang pengemis telah diselamatkan. Dari jumlah tersebut, **840** orang adalah pengemis warganegara dan **435** orang adalah pengemis warganegara asing. Seramai **38** orang yang diselamatkan ditempatkan di RSK dan 18 orang di DBD.